



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 FEBRUARI 2018 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| - KDEB Waste mampu atasi isu sampah | 22 |
| - MPAJ keluar 494 kompaun           | 22 |
| - Gerai makan, tiga kereta terbakar | 22 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)**

|              |                                   |
|--------------|-----------------------------------|
| Akhbar       | Sinar Harian                      |
| Tajuk Berita | KDEB Waste mampu atasi isu sampah |
| Muka Surat   | 22                                |

## **KDEB Waste mampu atasi isu sampah**



Iskandar mencuba jentera Road Sweeper.

PANDAN INDAH - KDEB Waste Management Sdn Bhd dilihat mampu menurunkan statistik aduan kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam dari masa ke semasa di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sejak tahun lalu.

Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain berkata, sehingga kini statistik keseluruhan aduan yang diterima oleh pihak berkuasa tempatan itu mengenai kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam pada tahun lalu adalah sebanyak 1178 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1138 telah dapat diselesaikan.

"Manakala 40 aduan lagi masih dalam peringkat penyelesaian (aduan semak samun, rumah kosong dan tanah terbiar). Hanya sebanyak 70 aduan telah kami terima sejak Januari lalu, kesemua aduan itu telah diselesaikan.

"KDEB Waste Management Sdn Bhd juga mampu menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh penduduk dalam tempoh 24 jam, berdasarkan maklum balas yang kami terima syarikat ini sangat efisyen dan bertindak pantas menyelesaikan setiap aduan yang diterima tanpa mengira waktu," katanya.

Abd Hamid berkata, syarikat tersebut juga turut memperkenalkan

kenderaan Amroll baru dengan tong Roro dan jentera Road Sweeper yang julung kali digunakan oleh pihak berkuasa tempatan di negeri ini.

"Jentera Road Sweeper ini juga dilengkapi dengan GPS Tracking System bagi melancarkan lagi kerja pembersihan awam terutama sapuan jalan," katanya ketika ucapan Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam diantara MPAJ dan KDEB Waste Management Sdn Bhd, di sini.

Turut Hadir pada majlis itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar,

Datuk Iskandar A Samad, Exco Pemutilan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah dan Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz.

Sementara itu Iskandar turut berpuas hati dengan perkhidmatan KDEB Waste Management Sdn Bhd di Dun Cempaka.

"Saya juga pernah melakukan aduan terhadap KDEB Waste Management Sdn Bhd, saya melihat mereka telah memberi respond an tindakan segera untuk menyelesaikan masalah tersebut. Saya berharap prestasi baik ini dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
26 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)**

|              |                         |
|--------------|-------------------------|
| Akhbar       | Sinar Harian            |
| Tajuk Berita | MPAJ keluar 494 kompaun |
| Muka Surat   | 22                      |

## **MPAJ keluar 494 kompaun**

*S4 mis 22 26/2/2018*

PANDAN INDAH - Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengeluarkan 494 kompaun terhadap pemilik premis perniagaan yang tidak memperbaharui lesen perniagaan bermula 2 Januari lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Abd Hamid Hussain berkata, hasil pemeriksaan pemilik premis perniagaan lewat memperbaharui lesen perniagaan.

"Sebanyak 494 kompaun dikeluarkan dengan nilai sebanyak RM100,600. Sehubungan itu, pemilik perniagaan diingatkan untuk memperbaharui lesen perniagaan dengan kadar segera bagi mengelakkan sebarang tindakan pengkuasaan lanjut dikenakan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Penuh MPAJ, di sini, semalam.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah menimbang dan meluluskan pengurangan caj bayaran cukai taksiran sebanyak 50 peratus kepada pemilik harta-hanah (rumah kediaman



**ABD HAMID**

sahaja) dikalangan orang ke-lainan upaya (OKU) dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan di seluruh negeri ini.

Abd Hamid berkata, setakat ini, pihaknya telah menerima, memproses dan mengesahkan sebanyak 31 permohonan sedia ada tidak termasuk empat permohonan baharu mulai tahun lalu.

"Pengurangan cukai taksiran yang dipertimbangkan adalah 50 peratus ke atas cukai semasa. Ia hanya ditawar kepada pemilik harta-hanah dalam kalangan OKU dalam kawasan MPAJ bagi tahun lalu dan tahun ini. Bagaimanapun, pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPAJ," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
26 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)**

|              |                                   |
|--------------|-----------------------------------|
| Akhbar       | Sinar Harian                      |
| Tajuk Berita | Gerai makan, tiga kereta terbakar |
| Muka Surat   | 22                                |

# **Gerai makan, tiga kereta terbakar**

*Punca kejadian masih dalam siasatan*

AHMAD ISMADI ISMAIL

**PANDAN PERDANA**

**S**ebuah gerai makan dan tiga buah kenderaan musnah dalam kebakaran di Bukit Pandan, Ampang, di sini, kelmarin.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang awam kira-kira jam

11.26 malam.  
"Sepasukan lima anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Pandan bergeses ke lokasi kejadian, apabila tiba di lokasi kita mendapati api marak di sebuah gerai makan yang terletak pada kali lima jalan.

"Tiga' buah kenderaan jenis Proton Exora, Toyota Vios dan Perodua Kancil yang berada berhampiran gerai berkenaan turut terbakar," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengambil tindakan memadamkan kebakaran itu dengan menggunakan dua aliran salur bantu mula pam jentera bomba.

Kejadian ini tidak melibatkan mangsa, punca kejadian dan kerugian masih dalam siasatan," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat tentang kejadian boleh melaporkan kepada pihak berkuasa.



Anggota bomba sedang melihat keadaan kawasan kebakaran.



Tiga kenderaan turut terbakar.